



**KEEP
MALAYSIA
CLEAN™**



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Kredit Foto dan Terima Kasih :

“Sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama yang mempunyai nilai kemurnian amatlah terserlah di bumi yang diberi nama Malaysia. Masyarakat yang harmoni dipenuhi warna-warni kehidupan yang saling hormat-menghormati demi kesejahteraan semua.”

Yamusa bin Mohd Isa

Bahagian Dasar,
Perancangan dan Penyelidikan,
SPRM Ibu Pejabat.



KANDUNGAN

- 4 Kisah KMC
- 5 Mengapa Pencegahan Penting
- 6 Tanggungjawab Kita
- 7 Menyumbang Bersama
- 8 KMC dalam Amalan
- 9 Jemputan KMC

TAB

- 10 Tentang KMC
- 11 Penyertaan
- 12 Nilai Bersama
- 13 Pilihan Murni
- 14 Langkah Seterusnya
- 15 Bekerjasama
- 16 Kekal Bertanggungjawab
- 17 Sertai Perjalanan
- 18 Pembiayaan untuk Kelestarian
- 19 Kenali PPPR

Bersama, untuk Malaysia Murni

Sebagai rakyat Malaysia, kita mendambakan sebuah negara yang boleh dibanggakan oleh anak dan cucu kita. Sebuah negara yang dikagumi bukan sahaja kerana kemajuannya, juga kerana integriti, budi bahasa dan kemurahan hati rakyatnya.

Keep Malaysia Clean (KMC) timbul daripada harapan bersama ini. Ia merupakan aspirasi yang didorong oleh rakyat, digerakkan oleh Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR), salah satu daripada lima badan pemantau bebas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ianya merupakan jemputan terbuka kepada semua untuk memupuk dan mengekalkan Malaysia yang murni melalui:

Nilai
Murni



Masyarakat
Murni



Alam
Murni



- **Nilai Murni**
- **Masyarakat Murni**
- **Alam Murni**

Sebagai usaha sukarela, KMC menyediakan satu platform bersama untuk pencegahan rasuah yang mampan. Ia membolehkan kita berpegang pada prinsip yang sekian lama membimbing kita berasaskan amanah, hormat dan tanggungjawab yang kita junjung bersama.

Terima Kasih.

Kisah KMC

Pada awal tahun 2023, dalam satu mesyuarat PPPR, seorang tokoh akademik menzahirkan pandangan tentang perjalanan Malaysia menentang rasuah. Dahulu dan sehingga kini, negara kita berada di pertengahan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia. Tidak berada di tangga teratas, dan bukan juga di tangga terbawah - belum sampai tahap krisis, namun jelas ia bukan kedudukan yang dihasratkan Malaysia.

Selama berdekad-dekad, SPRM dan badan pendahulunya berusaha gigih menegakkan integriti melalui penguatkuasaan. Namun, satu hakikat tidak dapat dinafikan: penguatkuasaan sahaja tidak mampu menghapuskan rasuah.

Hukuman denda, penjara dan tindakan undang-undang lain sememangnya penting untuk memelihara ketenteraman sosial. Tetapi hukuman semata-mata kadangkala hanya mengajar anak muda takut kepada akibat, bukan memahami beza antara benar dan salah. Walaupun sabitan di mahkamah menghukum kesalahan, perubahan yang berkekalan bergantung pada nilai yang dipupuk di bilik darjah, rumah, tempat kerja dan komuniti. Tanpa asas moral yang kukuh, undang-undang sahaja tidak mencukupi.

Mengapa Pencegahan Penting

Hampir setiap hari, berita tentang rasuah tersiar di media. Namun, kisah sebenar bermula lebih awal - seawal daripada pilihan kecil yang kita buat seperti suatu layanan yang istimewa, suatu jalan pintas atau suatu kompromi. Jika tidak dikawal, ia boleh berkembang menjadi salah laku dan akhirnya menjurus kepada rasuah.

Pencegahan bermaksud:

- **Kesedaran**
Memahami bagaimana rasuah merosakkan kita semua.
- **Tanggungjawab**
Memilih integriti walaupun dalam keputusan yang kecil.
- **Budaya**
Menjadikan kejujuran, keadilan dan amanah sebahagian daripada kehidupan seharian.

Tanggungjawab Kita

Undang-undang mesti sentiasa dikuatkuasakan, dan agensi penguatkuasaan akan terus memainkan peranan mereka. Namun pengalaman membuktikan bahawa pencegahan tidak akan berjaya jika hanya bergantung kepada penguatkuasaan. Peranan ini milik kita semua - ibu bapa, pelajar, guru, pekerja, pemimpin perniagaan, penjawat awam dan masyarakat. Apabila kita memilih integriti dalam segala tindakan, kita mengukuhkan penguatkuasaan dan membantu membina Malaysia yang lebih selamat dan dipercayai.

Menyumbang Bersama

KMC melangkaui pendekatan menghukum dengan menumpukan kepada pencegahan. Ia menjemput rakyat Malaysia untuk:

- Mengenal pasti nilai yang dapat menjauhkan rasuah.
- Mengamalkan integriti walaupun dalam keputusan yang kecil.
- Menghormati prinsip yang ingin kita warisi untuk generasi akan datang.
- Saling menyokong dalam membina budaya di mana rasuah tidak dapat berkembang.

KMC dalam Amalan

Melalui KMC, kita memupuk:

- **Nilai Murni**
Hidup berintegriti pada peringkat individu.
- **Masyarakat Murni**
Mengambil tindakan kecil yang menghentikan salah laku kecil daripada berkembang dalam komuniti dan organisasi.
- **Alam Murni**
Menjaga sumber semula jadi dan ruang binaan kita.

Rakyat Malaysia sebenarnya telah lama mengamalkan prinsip ini. Ia diterapkan dalam proses mengajar anak tentang kejujuran, membantu jiran atau memilih jalan yang benar walaupun lebih sukar, berbanding jalan mudah yang salah. KMC sekadar menyatukan amalan harian ini sebagai usaha kolektif menuju Malaysia yang murni.

Undangan KMC

KMC adalah usaha untuk mengekalkan semangat kolektif - keyakinan, impian, dan harapan kita - demi Malaysia yang murni. Untuk membentuk masa depan buat anak-anak kita dan generasi yang akan datang.

Insyaa-Allah, marilah kita bersama-sama menjayakan **Keep Malaysia Clean.**

TAB 1

Tentang KMC

Keep Malaysia Clean (KMC) ialah inisiatif sukarela yang digerakkan rakyat, dipandu oleh Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) yang bebas di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Ia adalah jemputan terbuka untuk bersama-sama memupuk dan mengekalkan Malaysia yang murni melalui:



Nilai
Murni



Masyarakat
Murni



Alam
Murni

TAB 2

Penyertaan

Penyertaan adalah secara sukarela. Rakyat Malaysia boleh menyertai KMC sebagai:

- **Individu**
Menzahirkan kejujuran dan kepedulian dalam pilihan harian.
- **Keluarga**
Memupuk rasa hormat, keadilan dan tanggungjawab dalam kehidupan.
- **Komuniti**
Berganding bahu melindungi ruang bersama dan mempererat kejiiran.
- **Sekolah & Universiti**
Menggalakkan pembelajaran, inisiatif pelajar dan projek kreatif yang menyemai nilai murni.
- **Perniagaan**
Menyokong integriti, amalan adil dan tatakelola yang telus sesuai dengan peranan masing-masing.

KMC tidak menggantikan atau menjejaskan pelbagai inisiatif berasaskan nilai yang telah wujud atau sedang dibangunkan dalam masyarakat. Sebaliknya, ia melengkapi usaha-usaha tersebut melalui lensa pencegahan rasuah - menyatukan semua melalui Nilai Murni, Masyarakat Murni, dan Alam Murni ke arah aspirasi bersama sebuah Malaysia yang murni.

TAB 3

Nilai Bersama

Lebih setengah abad, **Rukun Negara** telah membentuk kita sebagai sebuah bangsa yang mulia dan berdaulat.

1. Kepercayaan kepada Tuhan
2. Kesetiaan kepada Raja dan Negara
3. Keluhuran Perlembagaan
4. Kedaulatan Undang-undang
5. Kesopanan dan Kesusilaan

Berteraskan **Rukun Negara** hinggalah kepada visi **Madani** hari ini, setiap kerangka nasional bertunjangkan matlamat yang sama, mengukuhkan perpaduan, tanggungjawab dan integriti bangsa. Rancangan Malaysia Ke-13 (2026 - 2030) pula membina kesinambungan ini dengan aspirasi membentuk sebuah masyarakat yang saksama, inklusif dan harmoni - serta beretika, progresif dan prihatin terhadap kelestarian alam.

TAB 4

Pilihan Murni

Rasuah dan kecuaiian menjejaskan kita semua - meningkatkan kos sara hidup, menghadkan peluang dan melemahkan kepercayaan dalam dan luar negara.

Apabila kita mengamalkan nilai murni, manfaatnya meluas:

- Kejiranan yang lebih selamat dan prihatin.
- Ekonomi yang lebih kukuh berasaskan persaingan adil.
- Negara yang dihormati kerana integriti dan amanahnya.

TAB 5

Langkah Seterusnya

KMC akan berkembang dalam tiga fasa:

- **Fasa 1 : Kesedaran**
Mengilhamkan rakyat Malaysia untuk membayangkan Malaysia yang murni.
- **Fasa 2 : Tindakan**
Menjemput rakyat, sekolah, perniagaan dan komuniti untuk turut serta.
- **Fasa 3 : Kelestarian**
Menanam nilai murni dalam institusi dan mewariskannya kepada generasi akan datang.

Aspirasi jangka panjang ialah memperkukuh kedudukannya dalam indeks kepercayaan global, memperbaiki kedudukan dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) serta membina masyarakat di mana nilai murni menjadi budaya nasional.

TAB 6

Bekerjasama

Kejayaan KMC bergantung pada kolaborasi dengan:

- **Masyarakat Sivil**
NGO, kumpulan belia, persatuan profesional.
- **Rakan Kerajaan**
Kementerian dan agensi.
- **Perniagaan**
Daripada GLC, PKS hingga persatuan perdagangan dan industri swasta.
- **Penyelarasan Global**
Seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan PBB (SDG), inisiatif ESG dan konvensyen antarabangsa menentang rasuah.

TAB 7

Kekal Bertanggungjawab

KMC komited terhadap keterbukaan dan pemantauan bebas, supaya kemajuan program akan dilaporkan melalui:

- **Pemantauan Bebas**
Pencapaian diteliti oleh PPPR.
- **Pelaporan Awam**
Kemas kini berkala dan saluran maklum balas terbuka.
- **Petunjuk Jelas**
Kemajuan diukur melalui skor CPI, penglibatan awam, penyertaan komuniti, sumbangan rakyat dan tinjauan tingkah laku.

TAB 8

Sertai Perjalanan

Sewaktu kita memulakan usaha nasional ini dengan penuh harapan, sumber sokongan akan terus dibangunkan dan dikongsi melalui:

- **Laman Mikro.Laman Web**
Kemas kini, kad ikrar, kit pengajaran, bahan muat turun.
- **Media Sosial**
Kisah dan aktiviti KMC dari seluruh Malaysia.
- **Saluran Hubungan**
Talian hotline dan e-mel untuk maklum balas, sukarelawan dan idea.
- **Alat Rakan Kongsi**
Panduan untuk komuniti, sekolah dan syarikat melaksanakan aktiviti KMC mereka sendiri.

KMC ialah usaha yang terus berkembang - dan setiap cadangan dan kerjasama akan membantu kita membentuk Malaysia yang murni. Sebagai permulaan, anda boleh menghubungi kami di www.keepmalysiaclean.com.

TAB 9

Pembiayaan untuk Kelestarian

KMC diperkukuh melalui integriti, ketelusan dan akauntabiliti. Dana permulaan telah disediakan oleh Bahagian Pencegahan SPRM, manakala ahli PPPR menyumbangkan masa dan kepakaran mereka secara sukarela. Sumber pada masa hadapan akan digerakkan melalui sumbangan sukarela dan kerjasama, berpandukan timbal balik dan layanan adil terhadap semua peserta dan penyokong. Semua kos dan perbelanjaan akan diterbitkan, akaun diaudit dan sumber pembiayaan didedahkan - memastikan KMC bukan sahaja menyeru nilai murni, tetapi juga mengamalkannya dalam operasinya sendiri.

Kenali PPPR

- **Mandat Bebas.**

Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) ialah salah satu daripada lima (5) badan pemantau bebas yang ditubuhkan di bawah Akta SPRM 2009 (Akta 694). Mandat PPPR adalah untuk menasihati, memantau dan berunding mengenai kerja SPRM, dengan penekanan khusus kepada pencegahan rasuah dan penglibatan masyarakat.

- **Misi Bersama.**

Sebagai panel bebas, ahli PPPR datang daripada pelbagai latar belakang - undang-undang, pendidikan, sains, tatakelola, perniagaan, keusahawanan dan media. Kami tidak memiliki semua jawapan mahupun segala pengetahuan. Tetapi kami berkongsi satu komitmen: berjalan seiring dengan rakyat Malaysia dalam usaha mencegah rasuah dan menambah suara dalam usaha nasional membina Malaysia yang murni, dipercayai dan dihormati.

Ahli PPPR

Datin Yasmin Ahmad Merican

(Pengamal Strategi dan Tatakelola)

Pakar dalam transformasi institusi serta bekas rakan kongsi firma perunding antarabangsa.



Prof. Emerita Datuk Dr. Asma Ismail

(Ahli Biosains dan Mikrobiologi)

Tokoh dan saintis universiti; Naib Canselor, bekas Ketua Pengarah serta penasihat dalam sektor pendidikan tinggi.



Dato' Lee Heng Cheong

(Perunding Undang-Undang dan Penimbang Tara)

Bekas Hakim Mahkamah Rayuan dengan pengalaman yang luas dalam bidang kehakiman dan timbang tara.



Prof. Dr. Sarjit Singh Darshan Singh

(Ahli Antropologi Sosial)

Profesor dan penyelidik dalam bidang antropologi serta sosiologi.



Tn. Hj. Ali Hassan Mohd. Hassan

(Usahawan Perniagaan)

Usahawan dan mentor berpengalaman; penasihat kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perusahaan belia.



Prof. Dr. Haidar Dziauddin

(Profesor Undang-Undang,

Media dan Advokasi Hak Asasi Manusia)

Ahli dan mantan rektor universiti; pakar dalam bidang perundangan, hak asasi manusia dan integriti.



En. Kamaruddin Mape

(Personaliti Media)

Wartawan dan pengamal komunikasi dengan pengalaman yang luas dalam bidang penyiaran serta kewartawanan.



Bersama, untuk Malaysia Murni



www.keepmalysiaclean.com